

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan SJK(T) HEAWOOD. Mengikut kontrak sepatutnya ianya siap pada 5 Disember 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Heewood, Sungai Siput (U), Perak telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2016) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan kos projek berjumlah RM13.88 juta. Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 12 bilik darjah dan kemudahan lain. Projek ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan sekolah ini telah dimulakan pada Jun 2017 dan sepatutnya disiap pada 23 Mac 2019, iaitu setelah mendapat kelulusan Lanjutan Tempoh Masa (EOT) sebanyak 108 hari dari tarikh siap asal pada 5 Disember 2018. Walau bagaimanapun, kontraktor gagal menunjukkan sebarang peningkatan prestasi kerja di tapak projek selepas KPM memberikan peluang selama empat bulan melalui Notis Tujuan Penamatan pada 2 April 2019. Susulan itu, kontraktor bagi projek ini telah ditamatkan pada 20 Ogos 2019.

Semasa penamatan dibuat, progres terakhir kerja-kerja pembinaan adalah sebanyak 42% berbanding jadual 100%. KPM sedang dalam proses penyediaan dokumen tender dan akan ditender semula pada Januari tahun 2021. Sekolah ini dijangka akan siap dibina pada tahun 2022.